



UNTUK SIARAN
SEGERA

**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

**MAJLIS DIALOG BELANJAWAN 2023 PERINGKAT NEGERI
Persediaan Belanjawan yang Menyeluruh**

SEREMBAN - Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) giat melaksanakan Majlis Dialog Belanjawan 2023 sebagai persiapan bagi penyediaan Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan pada 24 Februari 2023. Majlis tersebut yang diadakan di Klana Resort, Seremban, Negeri Sembilan pada hari ini merupakan lokasi kedua selepas Selangor yang diadakan pada 31 Januari 2023.

Selain Majlis Dialog Peringkat Negeri, MOF juga menganjurkan beberapa siri kumpulan fokus serta siri perbincangan bersama-sama pelbagai pihak berkepentingan seperti penjawat awam, swasta, teknokrat, NGO, persatuan, ahli akademik serta rakyat sendiri bagi memastikan penyediaan Belanjawan yang menyeluruh dan memenuhi hasrat segenap lapisan masyarakat dan entiti di Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan 1, YB Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan yang mengetuai Majlis Dialog Belanjawan 2023 pada hari ini berkata bahawa Belanjawan 2023 yang bertemakan Membangun Malaysia Madani akan berpandukan kepada enam (6) rukun Madani iaitu Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Nilai Hormat, Keyakinan dan Ihsan.

“Tumpuan Belanjawan 2023 masih kekal kepada usaha menangani isu kos sara hidup dan pekerjaan rakyat, memperkukuh kedudukan ekonomi negara, melaksanakan reformasi institusi, pengurusan bencana dan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah,” tambah beliau lagi.

Selain Selangor dan Negeri Sembilan, majlis ini akan turut dilaksanakan di Pulau Pinang, Johor dan Perak.

Mereka yang ingin memberikan cadangan bagi Belanjawan 2023, boleh berbuat demikian sebelum 10 Februari 2023 melalui laman web rasmi Belanjawan 2023 di <https://budget.mof.gov.my>.

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
1 Februari 2023